

Terminal Satu di Subang Dibuka sebulan lebih awal

SUBANG, Khamis — Terminal Satu Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, di sini, yang sedang diubahsuai bagi meningkatkan tarafnya, akan dibuka pada 1 Jun ini — sebulan lebih awal dari jadual.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, ia akan dapat memberi perkhidmatan bagi tujuh penerbangan antarabangsa dan tujuh penerbangan dalam negeri pada sesuatu masa yang sibuk.

Lapangan terbang baru itu dijangka dapat mengendalikan purata 2,600 penumpang sejam berbanding dengan kira-kira 1,000 penumpang sejam yang diuruskan sekarang.

Datuk Seri Dr Mahathir menghabiskan masa kira-kira dua jam melawat semua bahagian Terminal Satu itu petang ini untuk melihat sendiri perjalanan kerja-kerja pengubahsuaian dan penyediaan kemudahan kepada penumpang.

Bellau berkata, perbelanjaan menyeluruh kerja-kerja mengubahsuai terminal itu termasuk pembinaan terminal kargo dan 14 laluan ke pesawat, berjumlah \$300 juta.

Kesilapan

Menurutnya, sebanyak \$800,000 juga akan dibelanjakan bagi memperindah kawasan dalam dan di sekitar lapangan terbang itu termasuk memasang lukisan-lukisan oleh pelukis-pelukis tempatan dan menanam pokok dan bunga.

Lapangan terbang itu juga dijangka mempunyai keupayaan mengendalikan lalulintas udara hingga 1990.

Perdana Menteri berkata, bellau membuat lawatan hari ini setelah diberitahu terdapat keraguan mengenai rekabentuk terminal itu.

"Tetapi setelah lawatan ini, saya diberitahu kesilapan kecil itu telah dapat diperbaiki. Pada keseluruhannya saya puas hati dengan kerja-kerja yang dijalankan," katanya.

Bellau menjelaskan, kesilapan itu timbul kerana ruang laluan kenderaan bagi memberi perkhidmatan kepada kapal terbang-kapal terbang yang berhenti terlalu sempit.

"Tetapi, pegawai-pegawai Jabatan Penerbangan Awam, Jabatan Kerja Raya dan Mas telah memberi jaminan bahawa ia kini boleh digunakan," tambahnya.

Datuk Seri Dr Mahathir juga memberitahu, bayaran akan dikenakan kepada orang ramai yang menggunakan tempat letak kereta di lapangan terbang itu apabila ia dibuka.

"Ini ialah kerana pada masa-masa lalu, ada orang meletakkan kereta mereka hingga berhari-hari malah ada yang lebih sebulan kerana tempat ini sesuai dan selamat," katanya.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

No. Siri 5749
No. Penerimaan 66